

Alumni UMS tabur bakti di pedalaman

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
bustymessy@gmail.com

KOTA KINABALU: Pusat Hubungan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) UMS dan Jabatan Pendidikan Negeri menjalin kerjasama dalam usaha untuk memberi pendedahan ilmu pengetahuan kepada warga pedalaman di Kampung Salarom Taka, Nabawan.

Melalui program 'Scaling Up Education In Community' yang dianjurkan bermula 29 Julai hingga 1 Ogos ini, ia secara khusus bertujuan membimbing pelajar sekolah rendah dan menengah dalam memupuk minat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Penolong Pendaftar Pusat Hubungan Alumni UMS, Ismail Ali, berkata program berkenaan juga bersempena dengan majlis perasmian Kelab Alumni UMS bagi kawasan pedalaman.

"Program ini juga menjadi 'intro' kepada masyarakat luar bagi menunjukkan graduan UMS berkeupayaan untuk melaksanakan program berimpak tinggi terhadap pembangunan di Sabah khususnya dalam peningkatan kualiti sosio-ekonomi masyarakat pedalaman sebagai persediaan mereka menghadapi arus perubahan

"Melalui penganjuran program seperti 'Universiti Bersama Masyarakat', ia boleh dijadikan platform dalam membantu para pelajar untuk melengkapkan diri sebagai persediaan menghadapi peperiksaan."

ISMAIL ALI,
Penolong Pendaftar Pusat Hubungan Alumni UMS



ISMAIL

global," katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Menurutnya, selain dapat memberi pendedahan kepada pelajar luar bandar, program ini juga merupakan satu langkah awal untuk mengeratkan hubungan interaksi antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhannya yang berkaitan dengan UMS.

Ismail menambah, ia juga satu platform untuk para mahasiswa yang terlibat dan kakitangan UMS untuk



KASSIM

menyumbang bakti kepada masyarakat setempat terutamanya bagi penduduk kawasan pedalaman.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Madya Dr. Kasim Md. Mansur berkata, UMS berperanan dalam menjana perkembangan ilmu dan menjadi anjakan paradigma agar pelajar mendapat pendidikan yang terbaik selaras dengan kehendak pasaran sumber manusia masa kini.

"Melalui penganjuran program seperti 'Universiti Bersama Masyarakat', ia boleh dijadikan platform dalam membantu para pelajar untuk melengkapkan diri sebagai persediaan menghadapi peperiksaan," katanya.

Kassim berkata, Alumni UMS merupakan satu sumber yang boleh dimanfaatkan oleh pihak universiti dengan harapan komuniti juga dapat menyumbang kepada kecemerlangan universiti ke mercu yang lebih tinggi.

Beliau menambah, sebagai anak didik, Alumni wajar berbangga dengan universiti yang telah berjasa kepadanya kerana di situlah tempat ilmu yang ditimba

mencorak kehidupan yang dikecapi oleh Alumni sekarang.

Menurut Ketua Program Pendidikan dan Ekonomi SPPS, Dr. Khalid Haji Johari, matlamat program berkenaan adalah untuk mempertingkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran Alumni UMS menerusi pemerikasaan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.

"Ia juga bertujuan meningkatkan keupayaan akses maklumat dalam kalangan masyarakat sekitar berhubung dengan kemudahan pembelajaran dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat," katanya.

Selain itu, Khalid menjelaskan, program ini turut menyediakan 'One Stop Learning Center' iaitu pusat penyebaran maklumat berkaitan pendidikan, sosial dan ekonomi bagi komuniti setempat.

"Dalam masa yang sama, ia mendidik masyarakat setempat khususnya belia untuk menerima pendedahan berkaitan peluang-peluang dalam membangunkan potensi komuniti dan meningkatkan kemahiran murid dalam pembelajaran akademik dan ko-kurikulum," katanya.

Pada program itu nanti, sebanyak empat modul akan dibentang dan diselaraskan termasuklah mempertingkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran Alumni UMS menerusi pemerikasaan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat; meningkatkan pengetahuan guru-guru dan masyarakat dalam membina persekitaran pembelajaran yang sihat, menarik dan lestari; meningkatkan kemahiran murid dalam pembelajaran akademik dan ko kurikulum; dan meningkatkan semangat belajar di kalangan Alumni untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Sebelum ini, Alumni telah menjalankan program yang sama di Kampung Taginambur, Kota Belud pada bulan April lepas.



Khalid (kiri) menyampaikan hadiah kepada pelajar di Taginambur dalam salah satu aktiviti program berkenaan.